



MAJLIS PERBANDARAN TAIPING

IKLAN JAWATAN KOSONG

Warganegara Malaysia dan rakyat DYMM Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan yang berkelayakan adalah dipelawa memohon bagi mengisi kekosongan jawatan di Majlis Perbandaran Taiping

CARA-CARA MEMOHON

- Syarat-syarat kelayakan dan maklumat lanjut boleh diperolehi melalui laman web rasmi Majlis Perbandaran Taiping di www.mptaiping.gov.my atau Portal Perak Digital Kerajaan Negeri Perak di <https://digital.perak.my/>
- Permohonan hendaklah dibuat secara dalam talian (*online*) sahaja dengan mengisi maklumat yang diperlukan melalui Portal Perak Digital Kerajaan Negeri Perak di <https://digital.perak.my/>.
- Hanya permohonan di dalam tempoh iklan (7 Januari 2026 hingga 20 Januari 2026) sahaja akan diproses.

**TARIKH MULA
PERMOHONAN :**
7 JANUARI 2026

**TARIKH TUTUP
PERMOHONAN :**
20 JANUARI 2026
(11.59 MALAM)

JAWATAN

- **ARKITEK GRED J9**
KONTRAK/TETAP
- **PEGAWAI TADBIR GRED N9**
KONTRAK/TETAP
- **PEGAWAI KESIHATAN PERSEKITARAN GRED U9**
KONTRAK/TETAP
- **JURUTERA GRED J9**
KONTRAK/TETAP
- **PEGAWAI PENILAIAN GRED W9**
KONTRAK/TETAP
- **PEGAWAI VETERINAR GRED GV9**
KONTRAK/TETAP
- **PEMBANTU KHIDMAT AM GRED HI**
KONTRAK/TETAP

SEBARANG PERTANYAAN :

☎ 05-8080777 (Ext : 2202/2204)

📍 Bahagian Sumber Manusia,
Jabatan Khidmat Pengurusan

✉ hr@mptaiping.gov.my



MAJLIS PERBANDARAN TAIPING

JAWATAN UNTUK DIISI

A. Permohonan adalah dipelawa daripada Warganegara Malaysia yang berumur tidak kurang dari 18 tahun dan KEUTAMAAN diberikan kepada rakyat DYMM Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan yang berkelayakan sahaja bagi mengisi jawatan kosong di Majlis Perbandaran Taiping seperti berikut :-

1. JAWATAN : **PEMBANTU KHIDMAT AM GRED H1**
(Kontrak/Tetap)

KUMPULAN PERKHIDMATAN : PELAKSANA

KLASIFIKASI PERKHIDMATAN : KEMAHIRAN (H)

JADUAL GAJI	:	GAJI MINIMUM	GAJI MAKSIMUM	KENAIKAN GAJI
		RM1,500.00	RM4,680.00	RM100.00

SYARAT LANTIKAN

1.1 Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :-

(a) **Warganegara Malaysia;**

(b) Berumur **tidak kurang dari 18 tahun** pada tarikh tutup iklan jawatan;

(c) (i) **Sijil Pelajaran Malaysia** atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

[Gaji Permulaan ialah pada Gred H1: RM1,500.00]; atau

(ii) **Sijil Vokasional Malaysia** dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan.

[Gaji Permulaan ialah pada Gred H1: RM1,500.00]; atau

(iii) **Sijil Pelajaran Malaysia** atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan **Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2** dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

[Gaji permulaan ialah pada Gred H1: RM1,561.00]; atau

(iv) **Sijil Pelajaran Malaysia** atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan **Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3** dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

[Gaji permulaan ialah pada Gred H1: RM1,622.00];

SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

1.2 Calon bagi lantikan **hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C)** dalam subjek **Bahasa Melayu** pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/ Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

CATATAN AM

- (a) Pihak Majlis berhak menentukan asas-asas tapisan dalam menyenarai pendek calon - calon yang layak dipanggil untuk sesi ujian/ temu duga.
- (b) Pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas 6 bulan dari tarikh tutup permohonan hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.
- (c) Calon perlu memuat naik **IJAZAH, SIJIL PELAJARAN MALAYSIA/SIJIL VOKASIONAL MALAYSIA dan SIJIL-SIJIL BERKAITAN** bagi dokumen tambahan dalam permohonan jawatan yang berkaitan.